

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 4, NO.9 HINGGA NO. 87)**

28 MEI 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 8)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
KAWASAN : SEPANG
TARIKH : 28 MEI 2015, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN (SEPANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-

- (a) bilakah kerja-kerja pembinaan 'fly-over' akan dimulakan di persimpangan Dengkil/Putrajaya/Jenderam di Lebuhraya Dengkil-Putrajaya yang sering mengalami kesesakan teruk di sebelah pagi dan petang; dan
- (b) adakah kerja-kerja pembinaan jambatan baru bagi menggantikan jambatan yang runtuh di lebuhraya berhampiran Science Park telah bermula, dan jika sudah bermula, bilakah jangkaan ianya akan sempurna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di Jalan Persekutuan 31 (Dengkil – Banting), terutama di persimpangan Dengkil/Putrajaya/Jenderam/Bangi. Sehubungan itu, kementerian ini telah memohon peruntukan daripada Agensi Pusat untuk membina jejambat 4 lorong 2 hala di persimpangan berkenaan dengan anggaran kos projek sebanyak RM50 juta. Projek ini termasuk dalam senarai permohonan RMKe-11 untuk Negeri Selangor.

(b) Mengenai isu status terkini kerja-kerja pembaikan jejambat (Arah Utara) di persimpangan bertingkat Science Park 2, KM 2.4, Putrajaya Link pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian ini dimaklumkan bahawa pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah melantik kontraktor untuk merobohkan keseluruhan sisa runtuhan berkenaan. Dalam masa yang sama juga pihak Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) juga sedang giat melaksanakan kerja-kerja pengalihan paip air di laluan itu. Pembinaan semula jejambat tersebut terletak di bawah bidang kuasa PKNS. Sehubungan itu kementerian ini difahamkan kerja-kerja pembinaan semula jejambat tersebut akan dimulakan oleh pihak PKNS setelah keseluruhan kerja-kerja pembersihan sisa runtuhan dan pengalihan paip itu diselesaikan, iaitu dijangka selewat-lewatnya pada akhir tahun ini.

Sekian. Terima kasih.